

## Modulasi Terpilih dalam Penterjemahan Emosi Berahi Novel *The Elite* ke Bahasa Perancis

*(Selected Modulation in Translating Erotic Emotion in The Elite into French)*

Nursu'aidah Zainal Abidin<sup>1\*</sup>, Zuraini Jusoh<sup>2</sup>, Omrah Hassan@Hussin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, Malaysia.  
Email : gs68280@student.upm.edu.my

<sup>2</sup>Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, Malaysia  
Email : zurainijusoh@upm.edu.my

<sup>3</sup>Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, Malaysia  
Email: omrah@upm.edu.my

### CORRESPONDING AUTHOR (\*):

Nursu'aidah Zainal Abidin  
(gs68280@student.upm.edu.my)

### KATA KUNCI:

Prosedur penterjemahan  
Unsur Emosi  
Modulasi  
Emosi berahi  
Kesetaraan Terjemahan

### KEYWORDS:

Translation procedures  
Emotions, Modulation  
Erotic Emotion  
Equivalent Translation

### CITATION:

Nursu'aidah, Z. A., Zuraini, J., & Omrah, H. (2026). Modulasi Terpilih dalam Penterjemahan Emosi Berahi Novel *The Elite* ke Bahasa Perancis. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(2), e003768. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i2.3768>

### ABSTRAK

Modulasi berupaya menghasilkan terjemahan yang setara melalui pemindahan emosi yang halus serta penyesuaian terhadap jurang bahasa dan budaya. Jadi, kajian ini adalah penelitian terhadap penggunaan modulasi terpilih dalam penterjemahan emosi berahi daripada novel bahasa Inggeris *The Elite* ke dalam versi bahasa Perancis *L'Élite*. Isu utama yang diketengahkan adalah bagaimana unsur emosi berahi dapat disesuaikan secara efektif ke dalam bahasa dan budaya sasaran tanpa menjejaskan makna terjemahan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti modulasi terpilih yang digunakan dan seterusnya, menentukan sama ada modulasi tersebut tergolong dalam kategori modulasi wajib atau pilihan, serta menilai sejauh mana modulasi mampu mengekalkan kesan emosi berahi dalam terjemahan. Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah analisis teks secara kualitatif deskriptif dengan berpandukan teori terjemahan oleh Vinay dan Darbelnet (1958; 1995) serta teori rasa-fenomenologi oleh Aziz (1998) sebagai teras kerangka analisis. Dapatan menunjukkan bahawa penterjemah cenderung menggunakan modulasi pilihan, terutamanya dalam menyampaikan emosi berahi, bagi menyesuaikan teks dengan kepekaan budaya dan gaya dalam bahasa Perancis. Prosedur ini juga didapati bukan sahaja memelihara makna terjemahan, malah dalam beberapa keadaan kesan emosi berjaya disampaikan dengan baik dalam teks sasaran. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pemilihan prosedur modulasi bukan sekadar pemahaman linguistik, tetapi turut dipengaruhi oleh pertimbangan makna keseluruhan serta estetika ayat. Kajian ini penting kerana memberikan sumbangan kepada bidang penterjemahan sastera dimana penelitian terhadap

prosedur pemindahan emosi melalui modulasi diperluaskan, di samping menawarkan garis panduan kepada penterjemah dalam mengendalikan unsur emosi kompleks dalam teks sastera rentas budaya.

### ABSTRACT

Modulation has potential to produce equivalent translations through the subtle transfer of emotions to the adjustment of linguistic and cultural gaps. Thus, this study is an investigation into the use of selective modulation in translating erotic emotions from *The Elite* into *L'Élite*. The main issue highlighted is how erotic emotions can be effectively adapted into the target language without undermining the meaning of the translation. Therefore, the objectives of this study are to identify the selective modulations employed and also, to determine whether these modulations fall under the category of obligatory or optional, as well as to evaluate the extent to which modulation is capable of preserving the erotic emotional effect in translation. This study was conducted using a descriptive qualitative text analysis method based on the translation theory of [Vinay and Darbelnet \(1958; 1995\)](#) and the phenomenological theory of emotions by [Aziz \(1998\)](#) as the main analytical framework. The findings indicate that the translator tends to use optional modulation, in conveying erotic emotions, in order to adapt the text to cultural sensitivities and stylistic norms in French. This procedure was found to maintain meaning while, in many cases, effectively conveying emotional impact in the target text. The findings show that modulation involves not only linguistic competence but also sensitivity to overall meaning and aesthetic expression. This study contributes to literary translation research by highlighting the role of modulation in transferring emotions and by offering practical guidance for translators dealing with complex emotional elements in cross-cultural texts.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini mampu memperluas perbincangan terdahulu dengan menonjolkan peranan modulasi terpilih dalam menterjemah emosi berahi, serta menyediakan pendekatan analisis yang sistematik bagi membantu penterjemah menangani cabaran emosi dalam teks sastera.

## 1. Pengenalan

Terjemahan sering ditakrifkan dengan pelbagai pendekatan daripada yang bersifat literal hinggalah metaforik, termasuk gambaran terjemahan merupakan usaha mengubah kesenyapan menjadi ujaran atau menukarkan puisi kepada gaya prosa ([Bassnett, 2002](#)). Dengan itu, terjemahan pada asasnya adalah melibatkan penyampaian mesej dari satu bahasa kepada bahasa lain ([Vinay & Darbelnet, 1958; 1995](#); [Nida, 1964](#); [Newmark, 1988](#); [Hatim, 2014](#); [Munday, 2012](#)). Menurut [Newmark \(1988\)](#) seseorang penterjemah perlu menguasai serta memahami kedua-dua bahasa dan budaya bahasa sumber dan bahasa sasaran bagi memastikan hasil terjemahan yang tepat dan berkesan.

Oleh itu, proses penterjemahan tidak terhad kepada penggantian istilah semata-mata, sebaliknya melibatkan suatu proses yang kompleks yang menuntut kefahaman mendalam terhadap aspek linguistik dan pragmatik (Hatim & Munday, 2004).

Modulasi merupakan salah satu prosedur terjemahan digariskan dalam Teori Terjemahan oleh Vinay dan Darbelnet (1958; 1995) yang mampu mencapai keaslian terjemahan walaupun terdapat penyesuaian sudut pandang berbeza atau pertukaran perspektif dalam penghasilan makna ayat. Hal ini demikian bagi menangani cabaran yang timbul daripada perbezaan tatabahasa, elemen emosi, budaya, dan pragmatik antara bahasa sumber dan bahasa sasaran (Fitriana & Azizah, 2017; Putranti, 2018; Yahya et al., 2021; Mahmud, 2022). Jadi, pemilihan prosedur ini mampu menghasilkan terjemahan yang efektif melalui penyesuaian berteraskan modulasi, iaitu dengan mengubah sudut pandang atau struktur semantik bagi menyampaikan makna secara lebih tepat dan berkesan dalam bahasa sasaran (Vinay & Darbelnet, 1958; 1995; Venuti, 2021; Putranti, 2018). Namun, pemerhatian terhadap elemen emosi dalam terjemahan masih belum diperluaskan. Prosedur ini juga mampu membantu dalam mengurangkan jurang budaya yang ketara dan memastikan pemindahan ayat selaras dengan jangkakan budaya antar kedua bahasa (Fitriana & Azizah, 2017; Yahya et al., 2021).

Berdasarkan hujahan yang telah dikemukakan, terdapat tiga persoalan utama telah digariskan untuk dijawab dalam kajian ini.

- i. Apakah modulasi terpilih yang terdapat dalam terjemahan novel *The Elite* bahasa Inggeris ke dalam bahasa Perancis, *L'Élite*?
- ii. Adakah penggunaan teknik modulasi tersebut dikategorikan sebagai modulasi wajib atau modulasi pilihan?
- iii. Sejauh manakah modulasi pilihan berupaya mengekalkan kesan emosi berahi dalam terjemahan novel *The Elite* bahasa Inggeris ke dalam bahasa Perancis, *L'Élite*?

## 2. Sorotan Literatur

Vinay dan Darbelnet (1958; 1995) telah mengemukakan 13 prosedur terjemahan seperti peminjaman, calque, terjemahan literal, transposisi, modulasi, kesetaraan, adaptasi, amplifikasi, kehilangan, penambahan, eksplisitasi, generalisasi dan false friends dalam usaha menghasilkan kesetiaan makna dalam bahasa sasaran. Namun, tidak semua prosedur terjemahan ini boleh menghasilkan terjemahan yang berkualiti. Apabila teks bahasa sumber diterjemahkan secara literal (*direct*) ke dalam bahasa lain yang mempunyai jurang leksikal yang besar, kehilangan maklumat akan kerap berlaku dalam bahasa sasaran (Putranti, 2018). Menurut Bassnett (1991) menyatakan ayat tidak boleh diterjemah (*untranslatability*) terjadi apabila tiada penggantian elemen yang sesuai dalam padanan leksikal atau sintaksis antara kedua-dua bahasa. Jadi, modulasi merupakan salah satu prosedur terjemahan yang berkesan bagi menghasilkan makna yang neutral tanpa mengabaikan unsur budaya dalam bahasa sasaran, di samping mengekalkan padanan yang masih berasaskan bahasa sumber (Putranti, 2018; Siregar & Geubrina, 2023).

Menurut Molina dan Albir (2002) modulasi adalah pemindahan ayat dalam pelbagai variasi mesej yang diperoleh melalui perubahan perspektif dan sudut pandang. Hal ini sejajar dengan pandangan Vinay dan Darbelnet (1958; 1995) menyatakan ianya merupakan perubahan sudut pandang atau elemen semantik dalam proses penterjemahan apabila struktur atau ungkapan dalam bahasa sumber tidak dapat

diterjemahkan secara langsung tanpa menyebabkan ketidakjelasan atau ketidaksesuaian dalam bahasa sasaran. Newmark (1988) turut menjelaskan konsep modulasi sebagai variasi dalam perspektif atau kategori berfikir yang digunakan untuk menghasilkan terjemahan yang lebih semula jadi dan lebih kreatif. Dalam erti kata lain, modulasi merujuk kepada proses menyampaikan mesej daripada teks bahasa sumber ke dalam teks bahasa sasaran dengan bentuk atau struktur yang berbeza tetapi masih mengekalkan makna yang sama (Siregar & Geubrina, 2023). Maka, jelaslah pandangan dari beberapa tokoh bahawa modulasi merupakan suatu prosedur yang efektif dan wajar digunakan dalam menterjemah karya kreatif seperti novel, khususnya apabila pendekatan literal tidak dapat menyampaikan maksud sebenar teks sumber dengan berkesan. Beberapa kajian telah menjadi panduan kajian mengenai penggunaan modulasi dalam terjemahan, khususnya dalam teks novel (Wulandari, 2014; Yahya et al., 2021). Bukan itu sahaja, teknik modulasi juga didapati menjadi pilihan dalam penterjemahan jenis teks lain bagi mencapai kelancaran dan kesejajaran semula jadi dalam bahasa sasaran (Mardiana, 2014; Rahmatillah, 2017; Putranti, 2018; Afifah, 2023).

Dalam usaha mencapai kesetaraan terjemahan, aspek emosi memainkan peranan penting dalam memastikan penyampaian makna karya dari bahasa sumber ke bahasa sasaran dapat dikekalkan secara berkesan lebih-lebih lagi karya berunsurkan penulisan kreatif. Wahid dan Sukur (2012) penterjemah karya sastera perlu memiliki pembacaan yang luas, ketajaman dalam penelitian, serta tahap disiplin yang tinggi bagi memastikan kualiti terjemahan yang mendalam dan berkesan. Azhar (2018) turut menyatakan bahawa aspek kecerdasan emosi perlu diberi tumpuan dalam sesebuah karya manakala Parkinson (2005) penterjemah sering berdepan kesukaran dalam mencari padanan kosakata emosi yang tepat daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran. Jadi, ini jelas menunjukkan bahawa penerapan emosi dalam terjemahan memerlukan kepekaan linguistik dan kefahaman mendalam terhadap konteks budaya serta kesan psikologi dalam teks.

Teks karya semestinya sangat berbeza dengan teks biasa dimana karya memiliki nilai estetik dan keindahan gaya bahasa tertentu dalam penulisan (Mardiana, 2014). Elemen emosi kerap disisipkan bagi menarik perhatian pembaca agar karya tersebut dapat dihayati oleh pembaca sasaran (Aziz, 1998). Pemilihan novel *The Elite* dalam bahasa Inggeris dan terjemahannya *L'Élite* dalam bahasa Perancis adalah bertepatan kerana kedua-duanya menampilkan jalan cerita yang sarat dengan elemen romantik dan konflik cinta tiga segi, sekali gus menjadikan karya ini berpaut dengan pelbagai bentuk emosi. Namun, pemfokusan hanya tertumpu pada emosi berahi. Hal ini demikian kerana emosi ini sering kali menjadi tunjang kepada perkembangan plot dan hubungan antara watak utama. Oleh itu, penganalisisan ayat terjemahan emosi berahi dalam kedua-dua versi bahasa dapat memberi gambaran jelas tentang bagaimana unsur emosi ini ditangani dalam konteks linguistik dan budaya yang berbeza.

### 3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk dokumen yang melibatkan kualitatif deskriptif iaitu pendekatan analisis teks perbandingan bagi meneliti aplikasi prosedur modulasi terpilih dalam penterjemahan emosi berahi daripada novel *The Elite* dalam bahasa Inggeris kepada versi terjemahan Perancis, *L'Élite*. Pendekatan ini dipilih adalah untuk membolehkan pemerhatian secara mendalam dijalankan terhadap perubahan linguistik yang berlaku semasa proses penterjemahan, terutama dalam penyampaian emosi yang

kompleks seperti berahi. Kajian ini juga menumpukan kepada pemahaman terhadap prosedur terjemahan berdasarkan situasi dan makna yang tersirat dan tersurat dalam teks.

Pertama, data utama kajian terdiri daripada dua buah novel berunsurkan romantik, iaitu *The Elite* karya Kiera Cass dalam bahasa Inggeris selaku teks sumber, dan *L'Élite* yang diterjemah oleh Madaline Nasalik, iaitu versi terjemahan bahasa Perancis sebagai teks sasaran. Pemilihan data adalah melalui kaedah persampelan bertujuan iaitu *purposive sampling*, dengan meneliti secara manual kesemua ayat yang mempunyai elemen berahi dalam teks sumber. Penandaan unsur emosi berahi dipilih adalah berdasarkan kategori emosi yang digariskan dalam Teori Rasa-Fenomenologi oleh Aziz (1998), yang menghimpunkan berahi sebagai salah satu daripada lapan emosi utama. Dalam konteks kajian ini, berahi merangkumi unsur seperti hasrat, tarikan romantik, rayuan fizikal, serta situasi yang membangkitkan kesan sensual atau intim.

Kedua, setiap ayat yang dikenal pasti akan dipadankan dengan terjemahannya dalam teks sasaran, seterusnya dianalisis dari segi prosedur terjemahan. Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada prosedur modulasi, sebagaimana yang diperincikan oleh Vinay dan Darbelnet (1958; 1995), iaitu salah satu prosedur yang melibatkan perubahan sudut pandang, perspektif, atau struktur linguistik bagi menyesuaikan makna dengan norma bahasa dan budaya bahasa sasaran. Dalam erti kata lain, modulasi dalam kajian ini termasuk perubahan makna tersirat kepada tersurat serta penyesuaian nilai leksikal yang melibatkan penerapan gaya bahasa dalam ayat.

Seterusnya, data yang telah dikenal pasti akan disusun dalam bentuk jadual dan dianalisis secara deskriptif dengan membandingkan struktur dan makna antara kedua-dua teks (Newmark, 1988; Hatim & Mason, 2005). Kajian ini hanya memberi tumpuan kepada aplikasi modulasi terpilih sahaja, iaitu jenis modulasi konkrit dan abstrak (*abstract for concrete*), modulasi eksplikatif (*explicative modulation*), bahagian kepada keseluruhan (*part to whole*), pembalikan istilah (*reversal of terms*) dan penafian terhadap yang berlawanan (*Negation of the Opposite*) seperti yang telah dikemukakan oleh Vinay dan Darbelnet (1958; 1995) dan dijelaskan semula oleh Vinay dan Darbelnet (1995) dalam klasifikasi seterusnya. Tujuan analisis ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana penggunaan modulasi-modulasi terpilih ini mempengaruhi penyampaian emosi berahi dalam bahasa sasaran, sama ada emosi tersebut dikekalkan, dipertingkatkan, diperlembutkan, atau dihilangkan (Aziz, 1998) terutama dalam sesebuah karya kreatif seperti novel.

Pemilihan emosi berahi adalah bertujuan mengecilkan skop kajian agar keberkesanan prosedur modulasi dapat dianalisis dengan lebih fokus dan terperinci. Pendekatan ini membolehkan kajian menilai bentuk modulasi yang digunakan serta impaknya terhadap penyampaian emosi dalam ayat bahasa sasaran, khususnya terhadap novel *The Elite* mengandungi beberapa babak yang jelas menyentuh emosi berahi. Penekanan turut diberikan terhadap implikasi penggunaan prosedur modulasi tersebut terhadap kesan emosional yang diterima oleh khalayak pembaca sasaran.

Bagi menjamin kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian, semakan silang dilakukan antara pengkaji dan pensyarah yang mempunyai kepakaran dalam bidang terjemahan dan bahasa. Proses ini penting untuk memastikan setiap keputusan berkaitan pengelasan emosi berahi dan prosedur modulasi pilihan adalah konsisten dan boleh disokong secara teori. Dapatan kajian akan dibentangkan dalam bentuk

jadual, diikuti huraian naratif yang menjelaskan ciri-ciri modulasi yang dikenalpasti serta kesannya terhadap pemindahan emosi berahi dalam teks sasaran.

## 4. Hasil Kajian

### 4.1. Jenis dan Peratusan Modulasi Terpilih

Dapatan keseluruhan memperincikan lima jenis modulasi terpilih yang digunakan dalam penterjemahan novel *The Elite* dalam bahasa Inggeris kepada *L'Élite* versi bahasa Perancis, khususnya dalam menyampaikan emosi berahi secara efektif kepada bahasa sasaran seperti diperincikan dalam [Jadual 1](#).

Jadual 1: Jenis dan peratusan modulasi dalam terjemahan novel *The Elite* kepada *L'Élite*

Bil	Jenis modulasi	Jumlah ayat	Peratusan %
1	konkrit kepada abstrak ( <i>abstract for concrete</i> )	3	15
2	modulasi eksplikatif ( <i>explicative modulation</i> )	5	25
3	bahagian kepada keseluruhan ( <i>part to whole</i> )	4	20
4	pembalikan istilah ( <i>reversal of terms</i> )	3	15
5	penafian terhadap yang berlawanan ( <i>negation of the opposite</i> )	5	25
<b>Jumlah</b>		20	100

Daripada 20 ayat yang dianalisis, modulasi eksplikatif (*explicative modulation*) dan penafian terhadap yang berlawanan (*negation of the opposite*) masing-masing mencatat peratusan tertinggi sebanyak 25%. Modulasi eksplikatif (*explicative modulation*) digunakan apabila penterjemah meluaskan penjelasan terhadap makna tersirat dalam teks sumber bagi memperkukuh kesan emosi kepada pembaca sasaran, selaras dengan pandangan [Newmark \(1988\)](#) dan [Baker \(2018\)](#) yang menyarankan penyesuaian makna dalam teks sastera. Penafian terhadap yang berlawanan (*negation of the opposite*) pula mencerminkan usaha penterjemah menyampaikan emosi secara lebih halus sebagaimana dibincangkan oleh [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#). Modulasi bahagian kepada keseluruhan (*part to whole*) mencatatkan 20% turut menunjukkan kecenderungan penterjemah menyesuaikan maklumat secara menyeluruh bagi mengekalkan konteks emosi, manakala modulasi konkrit kepada abstrak (*abstract for concrete*) dan pembalikan istilah (*reversal of terms*) keduanya berada pada 15% juga digunakan bagi menyampaikan pengalaman emosi yang lebih bersifat dalaman, tersirat atau bergaya. Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa penterjemah tidak hanya menekankan kesepadanan bentuk, tetapi turut mempertimbangkan aspek budaya, pragmatik dan psikologi pembaca sasaran dalam menyampaikan emosi berahi secara efektif.

### 4.2. Pengelasan Kategori Modulasi Wajib dan Pilihan

Setelah mengenal pasti kesemua ayat kepada jenis modulasi, langkah seterusnya adalah mengesan sama ada setiap ayat tersebut tergolong dalam kategori modulasi wajib (*obligatory modulation*) atau modulasi pilihan (*optional modulation*). Proses ini membantu dalam penilaian terhadap sejauh mana kebebasan dan pertimbangan kreatif

dalam penterjemahan dimanfaatkan semasa memindahkan unsur emosi antara bahasa, sejajar dengan pendekatan [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#) yang menekankan adaptasi sebagai strategi penting dalam konteks perbezaan budaya dan struktur linguistik.

Jadual 2: Pengelasan kategori modulasi wajib dan pilihan dalam terjemahan novel *The Elite* kepada *L'Élite*

Bil	Jenis Modulasi	Modulasi wajib (obligatory modulation)	Modulasi pilihan (optional modulation)
1	konkrit kepada abstrak ( <i>abstract for concrete</i> )	-	3
2	modulasi eksplikatif ( <i>explicative modulation</i> )	2	3
3	bahagian kepada keseluruhan ( <i>part to whole</i> )	4	-
4	pembalikan istilah ( <i>reversal of terms</i> )	3	-
5	penafian terhadap yang berlawanan ( <i>negation of the opposite</i> )	-	5
<b>Jumlah</b>		9	11
<b>Peratusan %</b>		45	55

Jadual 2 menunjukkan pengelasan modulasi berlandaskan teori [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#) kepada dua kategori utama iaitu modulasi wajib (*obligatory modulation*) dan modulasi pilihan (*optional modulation*) berdasarkan keperluan struktur dan gaya dalam penterjemahan. Data menunjukkan modulasi wajib adalah sebanyak 45% mewakili 9 ayat dan digunakan apabila struktur atau ungkapan dalam bahasa sumber tidak dapat diterjemahkan secara terus tanpa menjejaskan kefahaman atau tatabahasa dalam bahasa sasaran, seperti dalam kes modulasi eksplikatif (*explicative modulation*), bahagian kepada keseluruhan (*part to whole*), dan pembalikan istilah (*reversal of terms*). Sebaliknya, modulasi pilihan adalah sebanyak 55% mewakili 11 ayat dan berlaku apabila penterjemah masih boleh mengekalkan terjemahan literal tetapi memilih pendekatan lain yang lebih berkesan dari segi emosi atau gaya bahasa, seperti dalam konkrit kepada abstrak (*abstract for concrete*) dan penafian terhadap yang berlawanan (*negation of the opposite*). Pembahagian ini selaras dengan teori [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#) yang membezakan antara kategori modulasi yang dilakukan atas faktor keperluan linguistik dan modulasi yang dilakukan demi kelancaran dalam bahasa sasaran agar kelihatan lebih semula jadi. Hal ini sejajar dengan pandangan [Newmark \(1988\)](#) menyatakan bahawa penggunaan modulasi pilihan sering menjadi alternatif utama bagi menyesuaikan pemindahan nada dan gaya dengan konteks budaya serta sasaran pembaca, manakala [Larson \(1997\)](#) pula menekankan pentingnya penyampaian makna tersirat dalam struktur bahasa yang berbeza, menjadikan modulasi wajib sebagai prosedur asas untuk mencapai kesepadanan makna.

## 5. Perbincangan

### 5.1. Jenis Modulasi Terpilih Berlandaskan Teori Terjemahan [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#)

Modulasi merupakan salah satu prosedur terjemahan yang melibatkan perubahan dari segi makna serta sudut pandang atau perspektif sesuatu ayat dalam bahasa sumber. Menurut [Vinay dan Darbelnet \(1995\)](#), seperti yang ditekankan dalam [Hatim dan Munday](#)

(2019), menyatakan terdapat sepuluh jenis modulasi iaitu konkrit kepada abstrak (*abstract for concrete*), modulasi eksplikatif (*explicative modulation*), bahagian kepada keseluruhan (*part to whole*), bahagian kepada bahagian lain (*part to another part*), pembalikan istilah (*reversal of terms*), penafian terhadap yang berlawanan (*negation of opposite*), pertukaran ayat aktif kepada pasif (*active for passive*), ruang kepada masa (*space for time*), dan perubahan simbol (*change of symbol*).

Namun begitu, dalam kajian ini, pengkaji hanya menumpukan kepada penggunaan lima modulasi terpilih sahaja, iaitu modulasi konkrit kepada abstrak (*abstract for concrete*), modulasi eksplikatif (*explicative modulation*), bahagian kepada keseluruhan (*part to whole*), pembalikan istilah (*reversal of terms*), dan penafian terhadap yang berlawanan (*negation of opposite*). Pemilihan jenis-jenis modulasi ini adalah berdasarkan kesesuaiannya dalam menyampaikan emosi berahi secara lebih halus, tersirat dan berkesan dalam bahasa sasaran. Bentuk modulasi ini didapati paling relevan dan kerap digunakan dalam penterjemahan teks sastera terutama karya novel yang sarat dengan ekspresi emosi, khususnya yang melibatkan keintiman, hasrat dan perasaan mendalam yang sukar diterjemahkan secara literal tanpa mengubah kesan emosional terhadap pembaca.

#### 5.1.1. Konkrit Kepada Abstrak (*Abstract For Concrete*)

Jenis modulasi abstrak kepada konkrit ini berlaku apabila sesuatu ungkapan atau perkataan yang bersifat umum dikenali sebagai abstrak dalam bahasa sumber diterjemahkan kepada idea atau istilah yang lebih konkrit dan khusus dalam bahasa sasaran (Vinay & Darbelnet, 1995; Mahmud, 2022). Ayat tersebut dikodkan sebagai K&A01.

Tsu: *And I want her to be as safe as, if not safer than, she is in this place.* (Cass, 2013, p. 155)

Tsa: “Et je veux qu’elle soit en sécurité autant, sinon plus, qu’au palais.” (Cass, 2019, p.217) terjemahan oleh Madeline Nasalik.

Dalam contoh terjemahan ayat bahasa sumber “*And I want her to be as safe as, if not safer than, she is in this place*” kepada ayat bahasa sasaran “*Et je veux qu’elle soit en sécurité autant, sinon plus, qu’au palais*”, berlaku penerapan modulasi jenis abstrak kepada konkrit seperti yang dihuraikan oleh Vinay dan Darbelnet (1958; 1995). Ungkapan *this place* dalam teks sumber bersifat umum dan tidak merujuk secara langsung kepada mana-mana lokasi tertentu, manakala dalam teks sasaran, penterjemah memilih untuk menjelaskan maksud tersebut secara konkrit dengan menggunakan frasa *au palais* yang membawa maksud di istana. Perubahan ini menunjukkan satu bentuk modulasi yang bertujuan menyesuaikan makna dengan logik dan kefahaman pembaca sasaran. Penggunaan istilah *au palais* juga menunjukkan terjemahan tersebut lebih spesifik. Penjelasan ini selari dengan prinsip modulasi yang membolehkan penterjemah mengubah sudut pandang untuk memperjelas maksud yang tersirat dalam teks asal (Vinay & Darbelnet, 1995; Newmark, 1988). Pendekatan ini turut mencerminkan usaha penterjemah dalam mengekalkan kesan emosional asal secara lebih tersurat dan mudah difahami dalam konteks budaya sasaran.

### 5.1.2. Modulasi Eksplikatif (*Explicative Modulation*)

Modulasi ini digunakan untuk menjelaskan makna tersirat yang tidak dinyatakan secara terang-terangan dalam bahasa sumber, agar mesej lebih jelas dan mudah difahami dalam bahasa sasaran (Vinay & Darbelnet, 1995; Yahya et al., 2021) dan melibatkan perubahan sebab kepada kesan dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran (Munday, 2016; Mahmud, 2022). Modulasi eksplikatif ini juga dibahagikan kepada dua bahagian kecil iaitu perincian terhadap penjelasan makna dan terhadap kesan akibat (Vinay & Darbelnet, 1995) yang membantu para penyelidik dalam membuat analisis runkaian secara teratur dan lebih sistematik. Kedua ayat tersebut dikodkan sebagai EKS04 dan EKS05.

Contoh 1: Perincian terhadap penjelasan makna tersirat

Tsu: *"I didn't need his heart," she confessed. "I just needed him to want me enough to keep me. Fine, it's not love. I need the fame more than I need the love."* (Cass, 2013, p. 66)

Tsa: *"Je ne veux pas de son cœur. Il fallait juste un peu jouer à l'allumeuse pour rester jusqu'au bout."* (Cass, 2019, p. 95) terjemahan oleh Madeline Nasalik.

Dalam terjemahan frasa *"I just needed him to want me enough to keep me"* kepada *"Il fallait juste un peu jouer à l'allumeuse pour rester jusqu'au bout"*, jenis modulasi eksplikatif dapat dikesan melalui perubahan sudut pandang yang turut melibatkan penjelasan makna tersirat. Dalam teks sumber, ungkapan tersebut menyampaikan idea bahawa watak perempuan, America tidak benar-benar memerlukan cinta lelaki itu, tetapi hanya mahu lelaki itu cukup menginginkannya agar terus memilihnya. Ayat tersebut disampaikan secara tersirat dan emosi berahi. Namun begitu, dalam teks sasaran, makna tersebut dijelaskan secara jelas melalui frasa *"jouer à l'allumeuse"* (bermain peranan sebagai penggoda), yang bukan sahaja menunjukkan strategi watak itu, malah diperincikan dengan tindakan yang diambil untuk mencapai tujuan tersebut. Perubahan ini bersesuaian dengan pandangan Vinay dan Darbelnet (1958; 1995) yang menyatakan bahawa modulasi digunakan apabila terdapat perbezaan sudut pandang antara bahasa sumber dan bahasa sasaran, dan kadangkala melibatkan eksplisitasi demi kejelasan konteks bagi pembaca sasaran. Diperkukuhkan lagi, menurut Newmark (1988), terjemahan perlu disesuaikan dengan persepsi budaya dan pemahaman linguistik pembaca sasaran, justeru eksplisitasi sering menjadi keperluan dalam penterjemahan dialog yang padat dengan makna tersirat dan emosi dalaman.

Contoh 2: Perincian terhadap kesan dan akibat

Tsu: *I keep thinking of your smile and worrying that I'll never see it again.* (Cass, 2013, p. 192)

Tsu : *"Votre sourire me hante, tout comme l'inquiétude de ne jamais vous revoir."* (Cass, 2019, p. 267) terjemahan oleh Nadaline Nasalik.

Dalam frasa *"I keep thinking of your smile and worrying that I'll never see it again"*, serta terjemahannya *"Votre sourire me hante, tout comme l'inquiétude de ne jamais vous revoir"* telah menunjukkan penerapan modulasi eksplikatif yang menukarkan bentuk sebab kepada akibat. Ungkapan asal *I keep thinking of your smile* menunjukkan suatu tindakan iaitu pemikiran yang berulang terhadap senyuman seseorang. Dalam erti kata lain,

watak tersebut telah mengalami perasaan angau terhadap seseorang. Namun dalam terjemahan, penterjemah mengubahnya menjadi *Votre sourire me hante* yang bermaksud senyumanmu menghantui nya, yang jelas membawa kesan emosional yang lebih kuat, seolah-olah senyuman itu telah meninggalkan trauma emosi kepada watak. Ini menunjukkan satu bentuk eksplisitasi melalui modulasi, kerana emosi yang sebelumnya tersirat kini diungkapkan secara jelas dengan istilah yang lebih kuat. Menurut [Vinay dan Darbelnet \(1995\)](#), modulasi dapat digunakan apabila penterjemah menyesuaikan sudut pandang demi kejelasan atau kesesuaian budaya, termasuk perubahan dari sebab kepada kesan. Pandangan ini turut disokong oleh [Newmark \(1988\)](#), yang menyatakan bahawa perubahan seperti ini sering dilakukan untuk memastikan impak emosional asal dapat difahami dan dirasai secara lebih nyata oleh pembaca bahasa sasaran. Maka, pilihan istilah *me hante* bukan sahaja menjelaskan intensiti perasaan watak, malah menyerlahkan kesan psikologi yang tersirat dalam teks sumber.

### 5.1.3. Bahagian Kepada Keseluruhan (Part To Whole)

Modulasi ini pula terjadi apabila perkataan, frasa, atau ayat yang spesifik diterjemahkan kepada istilah yang lebih umum ([Vinay & Darbelnet, 1995](#); [Yahya et al., 2021](#); [Mahmud, 2022](#)). Ayat tersebut dikodkan sebagai BK01.

Tsu: “*Maxon, can’t we go on a real date? Somewhere outside this palace?*” ([Cass, 2013, p. 47](#))

Tsa: “*Maxon, est-ce qu’on pourrait organiser une petite soirée, rien que toi et moi ? Quelque part à l’extérieur du palais ?*” ([Cass, 2019, p. 69](#)) terjemahan oleh Madeline Nasalik.

Dalam ayat bahasa sumber “*Maxon, can’t we go on a real date? Somewhere outside this palace?*”, diterjemahkan kepada bahasa sasaran iaitu “*Maxon, est-ce qu’on pourrait organiser une petite soirée, rien que toi et moi ? Quelque part à l’extérieur du palais ?*” memperlihatkan penggunaan modulasi bahagian kepada keseluruhan (part to whole) berdasarkan sudut pandang budaya. Ungkapan *a real date* dalam bahasa Inggeris merujuk kepada pertemuan romantik dan membawa ikatan kepada hubungan istimewa. Namun, dalam bahasa Perancis, penterjemah memilih ungkapan *une petite soirée* yang secara literal membawa acara santai pada petang atau malam dalam bentuk yang lebih semula jadi dalam konteks budaya sasaran. [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#) yang menyatakan bahawa modulasi digunakan apabila terdapat keperluan untuk menyesuaikan sudut pandang atau ekspresi agar lebih lazim dan berterima dalam bahasa sasaran. Modulasi ini juga menggambarkan bagaimana mesej asal boleh dikekalkan secara semantik, walaupun disampaikan dengan bentuk linguistik yang berbeza.

### 5.1.4. Pembalikan Istilah (Reversal of Terms)

Menurut [Yahya et al. \(2021\)](#) jenis modulasi ini juga dikenali sebagai pertukaran susunan atau posisi ungkapan dalam ayat bagi menjadikan terjemahan kedengaran lebih semula jadi dan sesuai dengan gaya bahasa sasaran. Dalam pada itu, ia juga melibatkan perubahan susunan perkataan, frasa, atau padanan istilah dalam sesuatu ayat bagi menyampaikan idea yang sama daripada sudut pandang yang berbeza dan lebih segar ([Fitriana & Azizah, 2017](#)). Ayat tersebut dikod sebagai P.IST03.

Tsu: *Forgive me for not feeling so secure in our relationship right now.* (Cass, 2013, p. 42)

Tsa: "Pardonnez-moi, mais je ne sais plus ce que je dois penser." (Cass, 2019, p. 63) terjemahan oleh Madeline Nasalik.

Frasa *not feeling so secure in our relationship right now* diterjemahkan sebagai *je ne sais plus ce que je dois penser* menunjukkan penggunaan modulasi jenis pembalikan istilah (reversal of term). Ungkapan ketidakamanan emosi dalam teks sumber seperti *not feeling so secure* digantikan kepada bentuk keraguan dalam teks sasaran iaitu *je ne sais plus...*, iaitu perubahan sudut pandang daripada emosi kepada pemikiran. Modulasi ini selaras dengan konsep pembalikan istilah yang dibincangkan oleh Vinay dan Darbelnet (1995), dimana penterjemah menukar bentuk tetapi mengekalkan makna dalam konteks yang lebih sesuai untuk bahasa sasaran. Disokong oleh Newmark (1988) yang melihatnya sebagai bentuk *cognitive shift*. Tambahan pula, menurut Hatim dan Mason (2005) menyatakan modulasi seperti ini membolehkan penterjemah menyampaikan makna dan sikap penutur dengan lebih halus melalui adaptasi perspektif yang sesuai dalam budaya sasaran seperti dalam bahasa Inggeris kepada bahasa Perancis.

#### 5.1.5. Penafian Terhadap Yang Berlawanan (*Negation of The Opposite*)

Jenis modulasi ini berlaku apabila ayat bahasa sumber diterjemahkan terus kepada ungkapan dan makna yang berlawanan dalam bahasa sasaran (Vinay & Darbelnet, 1995) dan kebiasaannya perubahan tersebut terjadi dalam bentuk ayat negatif kepada positif atau sebaliknya (Yahya et al., 2021). Kod ayat adalah PEN02.

Tsu: *I carefully tucked my love for Maxon away in my heart, a little afraid of this feeling. Eventually, it would have to be shared, but for now it was my secret.* (Cass, 2013, p. 61)

Tsa: "J'ai l'impression que mon cœur va exploser et j'éprouve l'envie subite que tout s'achève aujourd'hui. La seule façon de freiner ce vertige qui me brouille les idées, c'est de jouer cartes sur table. Pour l'instant, je range mon amour bien au chaud dans mon cœur, un peu effrayée par sa force. Cela doit rester un secret." (Cass, 2019 p. 87) terjemahan oleh Madeline Nasalik.

Dalam frasa ayat *I carefully tucked my love for Maxon away in my heart, a little afraid of this feeling*, dan terjemahannya iaitu *J'ai l'impression que mon cœur va exploser et j'éprouve l'envie subite que tout s'achève aujourd'hui* menggambarkan penggunaan modulasi jenis penafian terhadap yang berlawanan (*negation of the opposite*). Dalam teks sumber, watak menyatakan ungkapan ketakutan secara lembut dan tersirat seperti *a little afraid*, mencerminkan perasaan yang dipendam secara rahsia dan sukar diluahkan. Namun dalam teks sasaran, penterjemah memindahkan ungkapan tersebut kepada satu luahan emosi positif yang tegas dan dramatik, iaitu rasa seperti jantung akan meletup dan keinginan kuat agar semuanya berakhir hari ini. Ini merupakan bentuk modulasi yang mengubah ungkapan negatif tidak langsung menjadi pernyataan positif, selaras dengan apa yang dijelaskan oleh Vinay dan Darbelnet (1995), bahawa modulasi melibatkan perubahan sudut pandang untuk memastikan makna tersirat dapat disampaikan secara jelas dan berkesan dalam bahasa sasaran. Malah, menurut Newmark (1988), penterjemah boleh memilih bentuk positif untuk menyatakan makna yang sebelum ini dirumus secara negatif, agar lebih sesuai dengan gaya ekspresi bahasa sasaran. Pendekatan ini juga membolehkan emosi tersirat diterjemahkan menjadi emosi

yang lebih berani, sekali gus menyesuaikan dengan suasana dramatik yang ingin disampaikan.

## 5.2. Kategori Modulasi Selaras dengan Teori Terjemahan oleh Vinay Dan Darbelnet (1958; 1995)

Langkah susulan selepas mengenal pasti jenis modulasi adalah mengesan ayat kepada modulasi wajib (*obligatory modulation*) atau modulasi pilihan (*optional modulation*). Pengelasan ini selaras dengan Teori Vinay dan Darbelnet (1958; 1995) yang membezakan antara modulasi di atas keperluan linguistik. Analisis ini membantu penilaian secara rasional terhadap penterjemahan serta tahap penyesuaian yang dilakukan oleh penterjemah. Bukan itu sahaja, pembaca turut dapat memahami sama ada penggunaan teknik modulasi tersebut merupakan modulasi wajib atau modulasi pilihan (Yahya et al., 2021).

### 5.2.1. Modulasi wajib (*Obligatory modulation*)

Data mencatatkan sebanyak 9 ayat bersamaan 45% tergolong dalam modulasi wajib. Hal ini demikian berlaku apabila perkataan, frasa atau struktur dalam bahasa sumber tidak mempunyai padanan langsung yang setara dalam bahasa sasaran (Vinay & Darbelnet, 1958; 1995; Putranti, 2018) sehingga penterjemahan secara literal menghasilkan ayat yang janggal atau bersesuaian dengan budaya bahasa sasaran (Yahya et al., 2021). Berikut disertakan salah satu contoh ayat yang dikategorikan kepada modulasi wajib (*obligatory modulation*) yang dipilih secara kaedah persampelan bertujuan yang berkod BK04

Tsu: *I was so lost in Maxon's touch and words and scent that the sound was jarring.* (Cass, 2013, p. 152)

Tsa: *J'étais perdue dans la chaleur de Maxon, dans ses paroles, dans son parfum.* (Cass, 2019 p. 213) terjemahan oleh Madeline Nasalik.

Ayat di atas tergolong dalam kategori modulasi wajib (*obligatory modulation*). Hal ini demikian kerana struktur klausa dalam bahasa sumber tidak dapat dialih secara literal ke dalam bahasa sasaran tanpa menjejaskan kelancaran dan keaslian gaya dalam bahasa Perancis. Dengan itu, ayat tersebut telah digantikan melalui susunan literal dengan penyatuan elemen berahi melalui frasa *la chaleur de Maxon* yang bermaksud kemesraan dari Maxon, sekali gus menyampaikan makna yang setara dalam bentuk yang lebih sesuai dengan tatabahasa dan gaya bahasa sasaran. Penyesuaian ini berlaku atas dasar keperluan linguistik, selaras dengan definisi modulasi wajib yang dikemukakan oleh Vinay dan Darbelnet (1958; 1995) menyatakan bahawa apabila terjemahan literal tidak dapat dilakukan tanpa menjejaskan kefahaman atau gaya bahasa sasaran.

### 5.2.2. Modulasi pilihan (*Optional modulation*)

Seterusnya, bagi modulasi pilihan pula, sebanyak 11 ayat bersamaan 55% telah direkodkan. Menurut Munday (2009) menyatakan penggunaan modulasi pilihan berlaku bukan disebabkan oleh faktor linguistik semata-mata, tetapi dilihat juga atas pertimbangan gaya, kejelasan makna atau kelancaran ekspresi dalam bahasa sasaran. Jadi, penerapan modulasi pilihan ini akan menghasilkan padanan yang baik dan semula jadi dalam terjemahan (Yahya et al., 2021). Ayat ini berkod K&A03

Tsu: *“And I love you, America Singer. With all that I am, I love you.”* (Cass, 2013, p. 183)

Tsa: *“Et je vous aime, America Singer. De tout mon cœur, je t’aime”* (Cass, 2019 p. 255)  
terjemahan oleh Madeline Nasalik.

Ayat diatas tergolong dalam kategori modulasi pilihan. Ini dapat dilihat daripada struktur dan makna asal dalam bahasa sumber masih dapat diterjemahkan secara literal (*direct*) ke dalam bahasa sasaran tanpa menjejaskan kefahaman. Namun, penterjemah memilih untuk menyesuaikan ungkapan *“With all that I am”* kepada *“De tout mon cœur”* yang membawa makna sepenuh hati saya iaitu bentuk yang lebih idiomatik dan semula jadi dalam ekspresi cinta dalam bahasa Perancis. Perubahan ini bukan keperluan linguistik, tetapi atas pertimbangan gaya bahasa, penyesuaian lintas budaya dan keberkesanan pemindahan emosi ke dalam bahasa sasaran. Menurut [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#), modulasi pilihan berlaku apabila penterjemah secara sengaja mengubah sudut pandang atau bentuk ungkapan demi menghasilkan bentuk yang lebih sesuai dengan persepsi pembaca sasaran, meskipun struktur literal masih boleh digunakan. Pandangan ini turut disokong oleh [Newmark \(1988\)](#) yang menekankan kepentingan penterjemah menyesuaikan gaya dan emosi agar mesej sampai dengan kesan yang sama dalam bahasa sasaran.

### 5.3. Penyesuaian Emosi Berahi Melalui Modulasi Pilihan Dalam Terjemahan

Langkah terakhir adalah dengan merumuskan penyesuaian emosi berahi berpandukan Teori Rasa-Fenomenologi oleh [Aziz \(1998\)](#) melalui modulasi terpilih dalam terjemahan bagi menunjukkan bagaimana penterjemah menyesuaikan makna, nada dan kesan emosional asal kepada konteks budaya dan kepekaan terhadap bahasa sasaran. Dengan menganalisis pemilihan modulasi dengan teliti, terjemahan tidak hanya berperanan sebagai pemindah makna, tetapi juga sebagai penyusun semula emosi agar lebih selaras dengan jangkauan pembaca sasaran. Maka, rumusan ini dapat mengukuhkan keberkesanan modulasi terpilih sebagai strategi utama dalam mengekalkan kesetiaan emosi, terutama emosi berahi, dalam proses penterjemahan karya novel yang penuh dengan unsur romantik. Kod yang ditetapkan adalah BK02.

Tsu: *Then she'll be taken care of, I promise.* (Cass, 2013, p. 84)

Tsa: *Dans ce cas nous prendrons soin d'elle, je vous le promets* (Cass, 2019, p. 121)  
terjemahan oleh Madeline Nasalik.

Dalam ayat *Then she'll be taken care of, I promise* yang diterjemahkan sebagai *Dans ce cas nous prendrons soin d'elle, je vous le promets*, emosi berahi tidak dizahirkan secara nyata namun tersirat melalui tindakan perlindungan yang membawa makna kasih sayang dan keprihatinan terhadap seseorang. Frasa *she'll be taken care of* menggambarkan keterikatan emosi dan tanggungjawab terhadap orang yang dicintai dan merupakan satu bentuk tindakan berahi. Menurut [Aziz \(1998\)](#), emosi berahi boleh terzahir melalui perlakuan seperti keprihatinan dan sentuhan emosional yang mendalam, bukan semata-mata melalui kata-kata yang menggoda. Penterjemah juga menggunakan modulasi pilihan dengan mengubah perspektif dalam melontarkan ayat *nous prendrons soin* yang menyesuaikan ungkapan dengan gaya sopan dan formal bahasa Perancis tanpa menghapuskan kesan emosi asal. Bersesuaian dengan teori terjemahan oleh [Vinay dan Darbelnet \(1958; 1995\)](#), modulasi membolehkan perubahan sudut pandang demi kelancaran dan keaslian mesej dalam bahasa sasaran, dan dalam konteks ini, emosi

berahi berjaya dikekalkan dalam bentuk janji perlindungan yang menyentuh perasaan pembaca secara tersirat dan berkesan.

## 5. Penutup

Kesimpulannya, hasil analisis terhadap terjemahan novel *The Elite* ke dalam bahasa Perancis *L'Élite* mendapati bahawa pelbagai bentuk modulasi terpilih telah digunakan secara strategik, khususnya untuk menyampaikan emosi berahi dengan lebih halus dan bersesuaian dengan budaya sasaran. Penggunaan modulasi ini kebanyakannya dikategorikan sebagai modulasi pilihan (*optional modulation*), iaitu bukan disebabkan keperluan linguistik semata, namun atas pertimbangan gaya dan kesan emosi terhadap pembaca. Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan bahawa modulasi pilihan berupaya mengekalkan serta memperkuat kesan emosi berahi, sekali gus membuktikan peranannya sebagai prosedur terjemahan yang efektif dalam pemindahan makna dan perasaan dalam karya novel.

## **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik mematuhi garis panduan etika penyelidikan yang ditetapkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam pelaksanaan kajian ini. Kajian ini tidak melibatkan pengumpulan data daripada manusia secara langsung, maka persetujuan bertulis tidak diperlukan. Walau bagaimanapun, kajian ini dijalankan dengan mematuhi prinsip integriti akademik dan etika penyelidikan.

## **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Jutaan penghargaan diucapkan kepada pihak Graduate Research Fellowship (GRF) atas sokongan dan pembiayaan yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian ini, serta kepada keluarga tercinta atas dorongan, kesabaran dan sokongan moral yang tidak berbelah bahagi.

## **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan dan bantuan kewangan.

## **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Penulis menyatakan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan, sama ada dari segi penyelidikan, pengarang mahupun penerbitan kajian ini.

## **Rujukan**

Afifah, Y. (2023). Analisis Teknik Penerjemahan Abstrak Mahasiswa Pendidikan Bahasa Arab dan Implementasinya Terhadap Keakuratan Penerjemahan. *Shibghoh: Prosiding Ilmu Kependidikan UNIDA Gontor*, 1, 647-674. <https://ejournal.unida.gontor.ac.id/index.php/shibghoh/issue/view/550>

- Azhar, R. (2018). Hubungan antara kecerdasan emosi dan adaptabilitas karir pada sarjana di Banda Aceh. *Journal of Psychological Science and Profession*, 2(2), 173-178. <https://doi.org/10.24198/jpsp.v2i2.17691>
- Aziz, S. A. (1998). *Rasa-fenomenologi: penerapan terhadap karya A. Samad Said*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baker, M. (2018). *In other words: A coursebook on translation*. Routledge.
- Bassnett, S. (1991). Translating for the theatre: The case against performability. *TTR: traduction, terminologie, rédaction*, 4(1), 99-111. <http://id.erudit.org/iderudit/037084ar>
- Bassnett, S. (2002). *Translation Studies* (3rd ed.). Routledge.
- Cass, K. (2013). *The Elite*. HarperTeen.
- Cass, K. (2019). *La Sélection, Tome 2 : L'Élite* (M. Nasalik, Trans.). Pocket Jeunesse. (Original work published 2013).
- Fitriana, I., & Azizah, Z. (2017). Translation Techniques on Po's Utterances in Kung Fu Panda 3 Subtitles (Pragmatic Approach). *Diglossia: Jurnal Kajian Ilmiah Kebahasaan dan Kesusastraan*, 9(1), 26-44. <https://doi.org/10.26594/diglossia.v9i1.967>
- Hatim, B. A. (2014). *Teaching and researching translation*. Routledge.
- Hatim, B., & Mason, I. (2005). *The translator as communicator*. Routledge.
- Hatim, B., & Munday, J. (2004). *Translation: An Advanced Resource Book*. Routledge.
- Hatim, B., & Munday, J. (2019). *Translation: An advanced resource book for students*. Routledge.
- Larson, M. L. (1997). *Meaning-based translation: A guide to cross-language equivalence*. Bloomsbury Publishing PLC.
- Mahmud, E. Z. (2022). Modulation Procedure in Translating an Indonesian Novel into English. *International Journal of Management Studies and Social Science Research*, 4(4), 219-225. <https://www.ijmsssr.org/paper/IJMSSSR00777.pdf>
- Mardiana, W. (2014). Teknik transposisi dan modulasi: kesepadanan dan pergeseran dalam penerjemahan cerpen berjudul "My Beloved Edith". *PAROLE: Journal of Linguistics and Education*, 4(2 Oct), 120-130. <https://doi.org/10.14710/parole.v4i2%20Oct.120-130>
- Molina, L., & Hurtado Albir, A. (2002). Translation techniques revisited: A dynamic and functionalist approach. *Meta*, 47(4), 498-512. <https://doi.org/10.7202/008033ar>
- Munday, J. (2009). *The Routledge companion to translation studies*. Routledge.
- Munday, J. (2012). *Evaluation in translation: Critical points of translator decision-making*. Routledge.
- Munday, J. (2016). Advertising: Some challenges to translation theory. In *Key debates in the translation of advertising material* (pp. 199-220). Routledge. <https://doi.org/10.1080/13556509.2004.10799177>
- Newmark, P. (1988). *A textbook of translation* (Vol. 66, pp. 1-312). New York: Prentice hall.
- Nida, E. A. (1964). *Toward a science of translating: With special reference to principles and procedures involved in Bible translating*. Brill Archive.
- Parkinson, B. (2005). Do facial movements express emotions or communicate motives?. *Personality and Social Psychology Review*, 9(4), 278-311. [https://doi.org/10.1207/s15327957pspr0904\\_1](https://doi.org/10.1207/s15327957pspr0904_1)
- Putranti, A. (2018). Modulation: A translation method to obtain naturalness in target language texts. *Journal of Language and Literature*, 18(1), 98-101. <https://doi.org/10.24071/JOLL.2018.180112>

- Rahmatillah, K. (2017). Modulation in translation process. *Ethical Lingua: Journal of Language Teaching and Literature*, 4(1), 68-75. <https://doi.org/10.30605/ethicallingua.v4i1.334>
- Siregar, S. M. A., & Geubrina, M. (2023). Modulation Techniques in Translation of Critical Eleven by Ika Natassa. *International Journal Linguistics of Sumatra and Malay*, 2(1), 20-27. <https://doi.org/10.32734/ijlsm.v2i1.13896>
- Venuti, L. (2021). *The Translation Studies Reader* (4th ed.). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780429280641>
- Vinay, J.-P., & Darbelnet, J. (1958). Stylistique comparée du français et de l'anglais. *Canadian Journal of Linguistics/Revue canadienne de linguistique*, 5, 53-55.
- Vinay, J.P., & Darbelnet, J. (1995). *Comparative stylistics of French and English: a methodology for translation*. John Benjamins Publishing Company.
- Wahid, P. R. A., & Sukur, A. S. A. (2012). Translation of 'Memoirs of a Geisha': Analysis and Insights on Cultural Perspective. *International Journal of Social Science and Humanity*, 2(6), 583. <https://doi.org/10.7763/IJSSH.2012.V2.177>
- Wulandari. (2014). *Modulation technique employed in the translation of Sydney Sheldon's work Tell Me Your Dreams into Ceritakan Mimpi-mimpimu by Liatiana Srisanti* Master's Thesis. Universitas Negeri Yogyakarta. <http://eprints.uny.ac.id/id/eprint/19357>
- Yahya, M., Fatiha, S. A., & Nugraha, D. G. (2021). An analysis of modulation technique in the translation of Bumi Manusia novel into This Earth of Mankind. *Jurnal Bahasa Inggris Terapan*, 7(2), 94-108. <https://doi.org/10.35313/jbit.v1i1.3612>